A

ONG KEH KEONG lwn. PP

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, SHAH ALAM
LATIFAH MOHD TAHAR H
[RAYUAN JENAYAH NO: BA-42K-3-03-2021]
30 MEI 2024

B

Abstrak – *Hak untuk perbicaraan adil perlu dipatuhi agar setiap kes diadili sewajarnya dan tiada tertuduh yang diprejudis. Perbicaraan jenayah sebaiknya didengar oleh seorang hakim yang sama di semua peringkat perbicaraan. Tetapi, apabila perbicaraan di peringkat kes pembelaan disambung dengar oleh seorang hakim baharu, setelah hakim pertama memutuskan wujud kes prima facie, hakim baharu sewajarnya menilai semula secara terperinci kesemua keterangan-keterangan dan saksi-saksi yang telah dikemukakan di peringkat prima facie sebelum memutuskan pembuktian kes melampaui keraguan munasabah. Lebih-lebih lagi, apabila ada permohonan untuk kes didengar secara de novo, permohonan itu perlu diberi pertimbangan agar tertuduh tidak diprejudis.*

C

D

E

PROSEDUR JENAYAH: *Perbicaraan – Perjalanan perbicaraan – Pertuduhan bawah s. 4(1)(a) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 – Dua Hakim Mahkamah Sesyen berlainan mendengar kes di peringkat prima facie dan pembelaan – Hakim di peringkat pembelaan tidak membuat dapatan prima facie sebelum mensabitkan tertuduh dan menjatuhkan hukuman – Sama ada hakim sama wajar membuat penilaian maksima keterangan dari peringkat prima facie sehingga kes pembelaan – Sama ada hakim kedua mengambil kira penilaian maksima keterangan di peringkat prima facie – Sama ada permohonan untuk kes didengar secara de novo diberi pertimbangan sewajarnya – Sama ada tertuduh diberi hak perbicaraan adil – Sama ada tertuduh diprejudis*

F

G

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 – Seksyen 4(1)(a) – Pertuduhan terhadap peguam cara yang mewakili syarikat dalam transaksi jualan tanah – Sebahagian hasil penjualan tanah diarahkan agar disimpan dalam akaun peribadi peguam cara – Sama ada wujud persefahaman antara syarikat dan peguam cara – Sama ada dibuat untuk mengelak tuntutan pemiutang – Sama ada mahkamah bicara mempertimbangkan keterangan dokumentar berbanding penafian pengarah syarikat – Sama ada sabitan dan hukuman terhadap peguam cara selamat*

H

I

Perayu, seorang peguam di Tetuan Ong Partnership, dilantik oleh Delta Park Sdn Bhd ('DPSB') untuk menguruskan urusan perjanjian jual beli tanah dengan Syarikat Ming Kuasa Sdn Bhd. Bayaran pendahuluan 10% telah dibayar terus oleh Syarikat Ming kepada DPSB manakala untuk baki

sejumlah RM2.34 juta, Syarikat Ming telah mengeluarkan tiga cek berasingan kepada Tetuan Ong Partnership. Susulan mesyuarat antara perayu dengan pengarah DPSB ('SP4'), perayu telah memindahkan RM840,000 dan baki harga jualan RM1,500,000 ke akaun pejabatnya (office account). Kemudian, perayu melakukan beberapa transaksi pemindahan wang tersebut dari akaun pejabatnya ke beberapa akaun peribadinya. DPSB adalah subsidiari HSL Group pada masa material dan terdapat beberapa tuntutan oleh pemiutang terhadap HSL Group. Menurut perayu, pemindahan wang dari akaun pejabat ke beberapa akaun peribadinya itu kerana SP4 ingin mengelak tuntutan-tuntutan yang dibuat oleh pemiutang HSL Group. Berikutan perintah mahkamah yang diperoleh RHB Bank Bhd terhadap HSL Group, untuk jumlah, RM3.2 juta dan RM17.9 juta, perayu sekali lagi memperoleh pengesahan mengenai pemindahan wang dari akaun pejabat ke akaun peribadinya daripada SP4. Ekoran pengesahan oleh SP4, perayu mengeluarkan cek untuk jumlah RM845,000 dipindahkan dari akaun pejabat ke akaun peribadi perayu. Apabila perayu menerima baki hasil jualan daripada pihak CIMB Bank berjumlah RM1,500,000, perayu mengeluarkan sekali lagi satu cek untuk memindahkan wang tersebut dari akaun pejabat ke akaun peribadi perayu. Perayu kemudiannya memindahkan wang RM740,000 kepada DPSB setelah menahan dan menyimpan RM1.68 juta sebagai lien untuk bil-bil/hutang-hutang yang masih belum diselesaikan oleh DPSB, HSL Group dan juga subsidiari-subsidiarinya. Terkilan dengan perkara tersebut, salah seorang pengarah membuat laporan polis terhadap perayu berhubung pecah amanah yang dilakukan oleh perayu. Perayu dituduh dengan lapan pertuduhan bawah s. 4(1)(a) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 ('AMLA'). Perayu tidak mengaku bersalah terhadap kesemua pertuduhan dan minta dibicarakan. Ekoran komen-komen yang amat memprejudiskan perayu semasa perbicaraan oleh Hakim Mahkamah Sesyen ('HMS1'), perayu memfailkan permohonan agar HMS1 menarik diri atas alasan tindakan yang tidak adil dan sikap berat sebelah. Walau bagaimanapun, permohonan tersebut ditolak oleh HMS1, yang kemudian mendapati wujud satu kes *prima facie* terhadap perayu dan mengarahkan perayu membela diri. Berdasarkan anggapan perayu memilih untuk berdiam diri, kerana tidak hadir semasa prosiding, HMS1 membuat penilaian semula keseluruhan keterangan di hadapan beliau di peringkat kes pendakwaan dan peringkat kes pembelaan dan berpuas hati dan mendapati pihak pembelaan gagal menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah terhadap kes pihak pendakwaan. Oleh itu, HMS1 memutuskan perayu bersalah dan mensabitkan perayu atas kesemua pertuduhan tersebut. Perayu dikenakan hukuman penjara berjumlah 15 tahun keseluruhannya. Terkilan, perayu memfailkan semakan jenayah ke Mahkamah Tinggi. Hakim Mahkamah Tinggi mengetepikan sabitan dan hukuman yang dikenakan oleh HMS1 dan memerintahkan perayu membela diri di hadapan Hakim Mahkamah Sesyen yang lain. Di hadapan Hakim Mahkamah Sesyen yang

A lain ('HMS2'), perayu memfailkan satu lagi permohonan agar kes dibicarakan secara *de novo*. Walau bagaimanapun, HMS2 telah menolak permohonan perayu. Di akhir kes pembelaan, HMS2 memutuskan bahawa pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes tanpa keraguan munasabah dan mensabitkan perayu atas kesemua lapan pertuduhan. Oleh itu, rayuan ini
B difailkan oleh perayu yang memfokuskan pada isu hak untuk perbicaraan yang adil.

Diputuskan (membenarkan rayuan perayu; mengetepikan hukuman dan sabitan):

C **(1)** Dalam keadaan di mana dua orang hakim berlainan mendengar kes di peringkat *prima facie* dan di peringkat pembelaan, terutamanya kes yang melibatkan penilaian demeanour saksi, adalah wajar seorang hakim yang sama membuat penilaian maksima keterangan dari peringkat *prima facie* sehinggalah kes pembelaan. Keputusan HMS2 tidak menyatakan secara terperinci bahawa beliau membuat penilaian secara menyeluruh
D kesemua keterangan pada kedua-dua peringkat dan mendapati pihak pendakwaan berjaya membuktikan setiap elemen pertuduhan melampaui keraguan munasabah. HMS2 hanya membuat penilaian di peringkat pembelaan dan tanpa mengambil kira penilaian maksima di peringkat *prima facie* disebabkan bukan beliau yang mendengar dan juga,
E bukan beliau yang memutuskan bahawa satu kes *prima facie* telah dibuktikan. (perenggan 47-49)

(2) Walaupun arahan Mahkamah Tinggi untuk kes pembelaan diteruskan di hadapan HMS yang baharu, tetapi disebabkan terdapat permohonan untuk kes didengar secara *de novo*, perkara ini sepatutnya
F dipertimbangkan oleh HMS2, mengambil kira bahawa seramai sepuluh orang saksi pendakwaan telah dipanggil untuk memberi keterangan dan HMS1 yang memutuskan terdapatnya kes *prima facie*. Walau bagaimanapun, perkara ini tidak dipertimbangkan oleh HMS2. Lebih memprejudiskan perayu apabila HMS2 tidak membenarkan perayu
G memanggil semula saksi-saksi penting sebagai saksi pembelaan tanpa sebab yang jelas. (perenggan 51, 53 & 54)

(3) Pegawai penyiasat kesalahan predikat bagi kes ini adalah penting. Namun, pihak pendakwaan tidak memanggil pegawai penyiasat kesalahan predikat sebagai saksi dan tidak menawarkannya kepada
H perayu. Tambahan lagi, kredibiliti dan demeanour saksi-saksi sangat penting dalam kes ini terutamanya SP4, yang keterangannya didapati 'evasive' dan meragukan. Permohonan 'impeachment' terhadap SP4, kerana wujud percanggahan keterangan, ditolak tanpa alasan oleh HMS1. (perenggan 56 & 59)

I **(4)** Baki hasil jualan yang dituntut pengadu berjumlah RM1.572 juta berada dalam 'client's account' perayu sebelum perayu dituduh bawah kesalahan pecah amanah. Berdasarkan ekshibit-ekshibit, jelas terdapat

arahan oleh SP4 kepada Tetuan Ong Partnership untuk menyimpan 'differential sum and sales proceeds' untuk transaksi penjualan tanah tersebut dengan memindahkan wang itu ke 'separate account'. Apabila arahan diberi oleh SP4 untuk memindahkan wang ke 'separate account', sudah semestinya terdapat persefahaman antara SP4 dan perayu sebagai peguam cara DPSB. Oleh itu, tiada kesalahan pecah amanah. (perenggan 60 & 65)

(5) Memandangkan kedua-dua pihak sememangnya saling berhubungan selama ini, tidak mustahil bahawa wang DPSB telah dipersetujui oleh SP4 untuk dipindahkan ke akaun peribadi perayu untuk mengelak tuntutan daripada pemiutang. Mengambil kira SP4 adalah pengarah DPSB dan Managing Director HSL Group dan adalah orang utama yang mengawal kewangan DPSB, *Turquand*'s rule terpakai dalam kes ini dan tindakan sebegini tidak memerlukan resolusi pengarah lain dan adalah memadai dengan arahan SP4 sahaja. Keterangan dalam mahkamah dan keterangan dokumentar perlu diberi perhatian oleh HMS2 semasa SP4 memberi keterangan. Walau bagaimanapun, HMS2 tidak mengambil kira secara menyeluruh keterangan dokumentar kontemporari yang dikemukakan oleh perayu berbanding dengan penafian kosong SP4 berkaitan kes pecah amanah. Oleh itu, tidak selamat untuk mahkamah mengekalkan hukuman dan sabitan terhadap perayu. (perenggan 65, 68, 70 & 71)

Kes-kes yang dirujuk:

Tindok Besar Estate Sdn Bhd v. Tinjar Co [1979] CLJU 119; [1979] 1 LNS 119 FC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001, s. 4(1)(a), (4)
Criminal Procedure Code, s. 261
Federal Constitution, arts. 5, 8
Penal Code, s. 409

Bagi pihak perayu - Sulaiman Abdullah & G Nanda Goban; T/n Goban & Co
Bagi pihak responden - Nurul Wahida Jalaluddin; TPR

Dilaporkan oleh S Barathi

PENGHAKIMAN

Latifah Mohd Tahar H:

Pertuduhan

[1] Perayu dalam kes ini telah dituduh dengan lapan pertuduhan di bawah s. 4(1)(a) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (selepas ini disebut sebagai "AMLA") sebagaimana berikut:

A (a) 62K-34-04-2015

Pertuduhan Pertama

Bahawa kamu pada 18 Julai 2012 di Standard Chartered Bank Berhad, Cawangan No. 18, 20 & 22, Jalan SS21/39, Damansara Utama, 47000 di dalam daerah Petaling Jaya di dalam Negeri Selangor telah melibatkan diri dalam pengubahan wang haram iaitu transaksi mendepositkan cek HSBC Bank Malaysia Berhad bernombor 004490 berjumlah RM845,000 milik Ong Partnership bernombor 343-13553-101 ke dalam akaun Standard Chatered Bank Berhad bernombor 620-19491689-6 milik kamu di mana jumlah tersebut merupakan hasil daripada aktiviti haram dan oleh demikian kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah sub-s. 4(1)(a) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (Akta 613).

Pertuduhan Kedua

Bahawa kamu pada 18 September 2012 di Standard Chartered Bank Berhad, Cawangan No. 18, 20 & 22, Jalan SS21/39, Damansara Utama, 47000 di dalam daerah Petaling Jaya di dalam Negeri Selangor telah melibatkan diri dalam pengubahan wang haram iaitu transaksi mendepositkan cek HSBC Bank Malaysia Berhad bernombor 004497 berjumlah RM1,505,000 milik Ong Partnership bernombor 343-013553-101 ke dalam akaun Standard Chatered Bank Berhad bernombor 620-19491689-6 milik kamu di mana jumlah tersebut merupakan hasil daripada aktiviti haram dan oleh demikian kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah sub-s. 4(1)(a) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (Akta 613).

Pertuduhan Ketiga

Bahawa kamu pada 29 November 2012 di Standard Chartered Bank Berhad, Cawangan No. 18, 20 & 22, Jalan SS21/39, Damansara Utama, 47000 di dalam daerah Petaling Jaya di dalam Negeri Selangor telah melibatkan diri dalam pengubahan wang haram iaitu transaksi mendepositkan cek HSBC Bank Malaysia Berhad bernombor 236885 berjumlah RM1,500,000 daripada akaun Standard Chatered Bank Berhad bernombor 620-19491689-6 milik Ong Keh Kiong ke dalam akaun Public Investment Bank Berhad bernombor 3077509901 di mana jumlah tersebut merupakan hasil daripada aktiviti haram dan oleh demikian kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah sub-s. 4(1)(a) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (Akta 613).

I

(b) 62K-35-04-2015

Pertuduhan Pertama

Bahawa kamu pada 15 Disember 2012 di Standard Chartered Bank Berhad, Cawangan No. 18, 20 & 22, Jalan SS21/39, Damansara Utama, 47000 di dalam daerah Petaling Jaya di dalam Negeri Selangor telah melibatkan diri dalam pengubahan wang haram iaitu memindahkan wang berjumlah RM36,000 daripada akaun bernombor 620-19491689-6 milik kamu ke dalam akaun Standard Chatered Bank Berhad bernombor 620-2038129-8 milik kamu di mana jumlah tersebut merupakan hasil daripada aktiviti haram dan oleh demikian kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah sub-s. 4(1)(a) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (Akta 613).

Pertuduhan Kedua

Bahawa kamu pada 17 May 2012 di Standard Chartered Bank Berhad, Cawangan No. 18, 20 & 22, Jalan SS21/39, Damansara Utama, 47000 di dalam daerah Petaling Jaya di dalam Negeri Selangor telah melibatkan diri dalam pengubahan wang haram iaitu memindahkan wang berjumlah RM2,250,000 daripada akaun Standard Chatered Bank Berhad bernombor 620-19491689-6 milik kamu ke dalam akaun Standard Chartered Bank Berhad bernombor 620-1-9485-9418 milik kamu di mana jumlah tersebut merupakan hasil daripada aktiviti haram dan oleh demikian kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah sub-s. 4(1)(a) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (Akta 613).

Pertuduhan Ketiga

Bahawa kamu pada 19 September 2013 di Standard Chartered Bank Berhad, Cawangan No. 18, 20 & 22, Jalan SS21/39, Damansara Utama, 47000 di dalam daerah Petaling Jaya di dalam Negeri Selangor telah melibatkan diri dalam pengubahan wang haram iaitu memindahkan wang berjumlah RM2,250,000 daripada akaun Standard Chatered Bank Berhad bernombor 620-19491689-6 milik kamu ke dalam akaun Standard Chartered Bank Berhad bernombor 620-1-9485-9418 milik kamu di mana jumlah tersebut merupakan hasil daripada aktiviti haram dan oleh demikian kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah sub-s. 4(1)(a) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (Akta 613).

(c) 62K-36-04-2015

Pertuduhan Pertama

Bahawa kamu pada 23 September 2013 di Standard Chartered Bank Berhad, Cawangan No. 18, 20 & 22, Jalan SS21/39, Damansara Utama, 47000 di dalam daerah Petaling Jaya di dalam Negeri Selangor telah melibatkan diri dalam pengubahan wang haram iaitu memindahkan wang berjumlah RM15,000 daripada akaun Standard Chatered Bank Berhad bernombor 620-19491689-6 milik kamu ke dalam akaun Standard Chartered Bank Berhad bernombor 620-1-9485-9418 milik kamu di mana jumlah tersebut merupakan hasil daripada aktiviti haram dan oleh demikian kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah sub-s. 4(1)(a) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (Akta 613).

Pertuduhan Kedua

Bahawa kamu pada 24 April 2014 di Standard Chartered Bank Berhad, Cawangan No. 18, 20 & 22, Jalan SS21/39, Damansara Utama, 47000 di dalam daerah Petaling Jaya di dalam Negeri Selangor telah melibatkan diri dalam pengubahan wang haram iaitu memiliki wang berjumlah RM51,789.05 di dalam akaun bernombor 620-19491689-6 milik kamu yang merupakan hasil daripada aktiviti haram dan oleh demikian kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah sub-s. 4(1)(a) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (Akta 613).

[2] Dalam kes ini, perayu tidak mengaku bersalah terhadap kesemua pertuduhan dan minta dibicarakan.

[3] Kes ini telah didengar oleh dua Hakim Mahkamah Sesyen yang mana Hakim Mahkamah Sesyen pertama (HMS1) telah mendengar kes di peringkat *prima facie* dengan sepuluh saksi pendakwaan dipanggil untuk memberi keterangan, manakala Hakim Mahkamah Sesyen kedua (HMS2) pula telah mendengar kes di peringkat pembelaan dengan dua orang saksi dipanggil.

[4] Pada 24 April 2018, HMS1 telah membuat keputusan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membukti kes *prima facie* dan perayu telah dipanggil untuk membela diri.

[5] Di peringkat pembelaan, perayu telah memanggil dua orang saksi pembelaan (termasuk perayu sendiri) untuk membela diri.

[6] Pada 22 Februari 2021, di akhir kes pembelaan, HMS2 telah memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes tanpa keraguan yang munasabah (beyond reasonable doubt) dan mahkamah telah mensabitkan perayu dengan kesemua lapan pertuduhan.

[7] HMS2 telah menjatuhkan hukuman penjara terhadap perayu seperti berikut:

(i) 62K-34-04-2015 (tiga pertuduhan):

(a) tiga tahun penjara dari tarikh jatuh hukum (22 Februari 2021) bagi setiap pertuduhan.

(Hukuman adalah berjalan serentak bagi ketiga-tiga pertuduhan);

(ii) 62K-35-04-2015 (tiga pertuduhan):

(a) pertuduhan pertama: dua tahun penjara;

(b) pertuduhan kedua: tiga tahun penjara;

(c) pertuduhan ketiga: dua tahun penjara.

(Hukuman penjara berjalan serentak bermula dari tarikh hukuman kes 62K-34-04-2015 selesai dijalankan); dan

(iii) 62K-36-04-2015 (dua pertuduhan):

(a) dua tahun penjara bagi setiap pertuduhan;

(Hukuman penjara berjalan serentak dengan kes 62K-35-04-2015).

(Secara keseluruhan, hukuman adalah enam tahun penjara).

[8] Perayu tidak berpuas hati dengan keputusan HMS2 dan telah memfailkan rayuan terhadap keseluruhan keputusan tersebut terhadap sabitan dan juga hukuman.

[9] Rayuan ini, yang difailkan oleh perayu, lebih memfokuskan pada isu hak untuk perbicaraan yang adil ("right to a fair trial"). Menurut perayu, hak ini tidak dipatuhi semasa perbicaraan dijalankan di Mahkamah Sesyen. Selepas membaca hujahan bertulis pihak-pihak dan setelah mendengar hujahan lisan peguam perayu, mahkamah ini membenarkan rayuan perayu dan mengetepikan sabitan dan hukuman yang dikenakan oleh HMS2 terhadap perayu.

Fakta Dan Kronologi Kes

[10] Pada 20 Disember 2011, Delta Park Sdn Bhd (DPSB) dan Syarikat Ming Kuasa Sdn Bhd (Syarikat Ming) telah memasuki satu perjanjian jual beli tanah milik DPSB dengan harga jualan sebanyak RM2.6 juta. Urusan jual beli tanah tersebut telah dijalankan oleh SP4, selaku pengarah DPSB pada ketika itu, dengan pihak Syarikat Ming (rujuk eksh. P10 ms. 38 hingga 48 dalam rekod rayuan (selepas ini dirujuk sebagai "RR") Jilid 3A). DPSB adalah anak syarikat kepada Hock Sin Leong Group Berhad (HSL Group).

[11] Perayu pula adalah seorang peguam di Tetuan Ong Partnership Advocate & Solicitors yang telah dilantik oleh DPSB untuk menguruskan urusan perjanjian jual beli tanah dengan Syarikat Ming dan telah diamanahkan untuk menerima bayaran hasil jualan tanah tersebut daripada Syarikat Ming bagi pihak DPSB.

[12] Sebagai bayaran permulaan/pendahuluan (deposit), Syarikat Ming telah membuat bayaran terus kepada pihak DPSB sebanyak RM260,000 yang merupakan 10% daripada jumlah hasil jualan tanah tersebut dengan baki harga belian RM2.34 juta.

[13] Manakala bagi baki jualan sebanyak RM2,340,000, Syarikat Ming telah mengeluarkan sebanyak tiga cek berasingan kepada Tetuan Ong Partnership (iaitu firma perayu) seperti berikut:

(i) cek Public Bank bertarikh 9 Julai 2012 berjumlah RM650,000 atas nama Ong Partnership;

(ii) cek OCBC Bank bertarikh 11 Julai 2012 berjumlah RM190,000 atas nama Ong Partnership; dan

(iii) cek CIMB Bank bertarikh 7 September 2012 berjumlah RM1,500,000 atas nama Ong Partnership.

[14] Adalah boleh dikatakan bahawa pada 15 Julai 2012, perayu telah memindahkan RM840,000 dan baki harga jualan RM1,500,000 ke dalam akaun pejabatnya (office account) iaitu akaun HSBC bernombor 343-13553-101 susulan mesyuarat antara perayu dengan SP4. Kemudiannya, perayu telah melakukan beberapa transaksi pemindahan wang tersebut daripada akaun pejabatnya ke dalam beberapa akaun peribadinya iaitu akaun Standard Chartered Bank sebagaimana yang dipertuduhkan.

[15] Seperti yang dimaklumkan, DPSB adalah subsidiari HSL Group pada masa material dan terdapatnya juga beberapa tuntutan oleh pemiutang terhadap HSL Group. Menurut perayu, pemindahan wang daripada akaun pejabat ke dalam beberapa akaun peribadinya adalah kerana SP4 ingin mengelakkan tuntutan-tuntutan yang dibuat oleh pemiutang HSL Group.

[16] Pada 26 Jun 2012, RHB Bank Bhd telah mendapat perintah mahkamah sebanyak RM3.2 juta terhadap HSL Group. Kemudian, pada 3 Julai 2012, RHB Bank juga telah mendapat perintah mahkamah untuk jumlah RM17.9 juta terhadap HSL Group (rujuk perintah di eksh. D55 ms. 288 hingga 289 dalam RR Jilid 3B dan eksh. D57 ms. 295 hingga 296 dalam RR Jilid 3B).

[17] Maka, pada 16 Julai 2012, perayu telah menghantar surat (rujuk eksh. D84A dalam RR Jilid 3C ms. 474) dan emel (rujuk eksh. D85 dalam RR Jilid 3C ms. 477) kepada SP4 untuk mendapat pengesahan sekali lagi mengenai pemindahan wang daripada akaun pejabat ke dalam beberapa akaun peribadi perayu. SP4 kemudian telah mengesahkan perkara tersebut pada 17 Julai 2012 (lihat eksh. D85 dalam RR Jilid 3C ms. 477).

[18] Ekoran pengesahan oleh SP4, perayu telah mengisukan cek pada 18 Julai 2012 sebanyak RM845,000 untuk memindahkan wang tersebut daripada akaun pejabat ke dalam akaun peribadi perayu di Standard Chartered Bank (rujuk eksh. P111A dalam RR Jilid 3D ms. 692).

[19] Selepas itu, apabila perayu menerima baki hasil jualan daripada pihak CIMB Bank pada 10 September 2012 berjumlah RM1,500,000, perayu telah mengisukan sekali lagi satu cek pada 14 September 2012 sebanyak RM1,500,000 untuk memindahkan wang tersebut daripada akaun pejabat ke dalam akaun peribadi perayu di Standard Chartered Bank (rujuk eksh. P110A dalam RR Jilid 3D ms. 690).

[20] Kemudian, pada 19 September 2012, melalui surat (rujuk eksh. D86A dalam RR Jilid 3C ms. 478) dan emel (rujuk eksh. D87 dalam RR Jilid 3C ms. 481), perayu mengingatkan DPSB bahawa terdapat sebanyak 57 bil-bil tertunggak yang masih belum diselesaikan untuk kerja-kerja yang perayu telah lakukan untuk HSL Group.

[21] Hampir sebulan selepas 19 September 2012, pada 10 Oktober 2012, SP4 telah mengarahkan perayu supaya menggunakan baki hasil jualan tersebut untuk membayar auditor HSL Group (iaitu PKF) sebanyak RM28,000 supaya PKF menarik balik petisyen penggulungan syarikat (rujuk eksh. D21 dalam RR Jilid 3A ms. 109).

[22] Pada 7 Februari 2013, perayu hanya memindahkan wang RM740,000 kepada DPSB. Perayu telah menahan dan simpan jumlah RM1.68 juta sebagai lien untuk bil-bil/hutang-hutang yang masih belum diselesaikan oleh DPSB, HSL Group dan juga subsidiari-subsidiarinya (rujuk surat di eksh. D129 dalam RR Jilid 3E ms. 873, ringkasan 57 bil-bil di eksh. D130 dalam RR Jilid 3G ms. 1288 hingga 1290, 57 bil-bil di eksh. D62 dalam RR Jilid 3B ms. 326 hingga 327 dan eksh. D92 (1 hingga 56) dalam RR Jilid 3C ms. 496 hingga 551).

[23] Namun, terkilan dengan perkara tersebut, salah seorang pengarah DPSB yang bernama Teh Sheau Tyng (iaitu SP7) telah membuat laporan polis bersabit Travers/006235/13 terhadap perayu berhubung dengan pecah amanah yang telah dilakukan oleh perayu (rujuk eksh. P11 dalam RR Jilid 3A ms. 49).

[24] Rentetan daripada laporan polis yang dibuat oleh SP7, satu laporan polis AMLA bersabit Travers/008939/13 (rujuk eksh. P117 dalam RR Jilid 3E ms. 835) telah dibuat oleh Insp Lai Kok Foum yang mana beliau telah mengesyaki suatu kesalahan yang melibatkan pengubahan wang haram di bawah s. 4(1) AMLA telah berlaku yang berkait dengan siasatan laporan polis predikat bersabit Travers/006235/13 di bawah s. 409 Kanun Keseksaan.

[25] Oleh itu, satu siasatan AMLA telah dijalankan oleh Insp Ee Cheng Chao (SP10) bersabit laporan polis bersabit Travers/008939/13.

[26] Kemudian, pada 22 November 2013, perayu telah didakwa atas kesalahan pecah amanah jenayah di bawah Kanun Keseksaan pada 22 November 2013 di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur. Selepas itu, pada 23 April 2015, perayu telah didakwa atas kesalahan di bawah AMLA di Mahkamah Sesyen Shah Alam.

[27] Pada 24 April 2018, HMS1 mendapati wujudnya satu kes *prima facie* terhadap perayu bagi pertuduhan AMLA dan mengarahkan perayu membela diri. Perlu juga ditekankan bahawa HMS1 nampaknya adalah sangat kecewa dan cukup bersabar dengan sikap perayu yang cuba untuk menangguhkan prosiding sejak dari kes bermula pada tahun 2015 lagi. Antara inti pati pertuturan dan perlakuan mereka semasa prosiding di depan HMS1 merangkumi seperti berikut (sila lihat RR tambahan lampiran 41 ms. 70 hingga 78, 116 hingga 130):

(i) apabila HMS1 memutuskan wujudnya kes *prima facie* terhadap perayu dan mengarahkan perayu membela diri, perayu tiba-tiba pengsan.

(ii) pada masa yang material, HMS1 sebenarnya menyoal perayu sama ada dia mempunyai sebarang pembelaan terhadap pertuduhan AMLA dan sama ada dia mahu berdiam diri. Jika perayu tidak mempunyai pembelaan dan/atau ingin berdiam diri, HMS1 akan terus mensabitkan perayu.

(iii) perayu kemudiannya merayu kepada HMS1 untuk peluang melantik peguam bela. HMS1 menjawab dan menekankan bahawa terlalu banyak peluang telah diberikan kepada perayu sejak permulaan perbicaraan dan telah menanyakan kepada perayu sama ada ingin melantik peguam bela untuk bertindak baginya dalam prosiding AMLA ini. Perayu tidak melantik mana-mana peguam bela sama sekali dan kini "kononnya" berniat hendak melantik seorang peguam bela pada akhir kes pendakwaan.

(iv) secara keseluruhannya, HMS1 merasakan bahawa perayu sebenarnya sedang mencuba menggunakan taktik-taktik untuk menangguhkan keseluruhan prosiding.

[28] Susulan daripada pertukaran perbualan yang berlaku di antara HMS1 dan perayu, pada 5 Januari 2018, perayu memfailkan permohonan melalui BA-64-6-01-2018 (RR tambahan lampiran 41 ms. 1 hingga 3) untuk HMS1 menarik diri atas alasan tindakan yang tidak adil dan sikap berat sebelah apabila beliau memberi komen-komen yang amat memprejudiskan perayu semasa perbicaraan. Menurut perayu, tindakan HMS1 menunjukkan HMS1 telah membuat pre-judgment terhadap perayu sebelum kesimpulan perbicaraan. Walau bagaimanapun, permohonan menarik diri ini telah ditolak oleh HMS1 pada 11 Januari 2018.

[29] Pada 24 April 2018, peguam bela Dato C Vignesh Kumar, telah hadir bersama En Daniel Annamalai. Walau bagaimanapun, perayu tidak hadir. Penjamin telah hadir dan menyatakan bahawa perayu demam.

[30] Dalam prosiding tersebut, HMS1 telah memberi sembilan alasan dan dengan alasan tersebut membuat anggapan perayu memilih untuk berdiam diri (rujuk Jilid 2D ms. 604 hingga 608). HMS1 telah membuat penilaian semula keseluruhan keterangan yang ada di hadapan beliau di peringkat pendakwaan dan peringkat kes pembelaan dan berpuas hati dan mendapati pembelaan telah gagal menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan. Maka, HMS1 memutuskan perayu adalah bersalah dan disabitkan dengan kesemua lapan pertuduhan tersebut. Perayu tidak hadir untuk mengemukakan rayuan. HMS1 telah menjatuhkan hukuman terhadap perayu seperti berikut:

Kes 62K-34-04-2015

(i) pertuduhan 1:

lima tahun penjara dari tarikh jatuh hukum bertarikh 24 April 2018;

(ii) pertuduhan 2:

lima tahun penjara dari tarikh jatuh hukum bertarikh 24 April 2018;

(iii) pertuduhan 3:

lima tahun penjara dari tarikh jatuh hukum bertarikh 24 April 2018 (ketiga-tiga hukuman ini berjalan serentak dari tarikh jatuh hukum).

Kes 62K-35-04-2015

(i) pertuduhan 1: lima tahun penjara;

(ii) pertuduhan 2: lima tahun penjara;

(iii) pertuduhan 3: lima tahun penjara.

(Ketiga-tiga hukuman ini berjalan serentak dan berkuat kuasa selepas hukuman bagi kes 62K-34-04-2015).

Kes 62K-36-04-2015

(i) pertuduhan pertama: lima tahun penjara;

(ii) pertuduhan kedua: lima tahun penjara.

(Kedua-dua hukuman ini diperintahkan berjalan serentak dan berkuat kuasa selepas hukuman bagi kes 62K-35-04-2015).

(Secara keseluruhan penjara adalah 15 tahun).

[31] Terkilan dengan keputusan HMS1 tersebut, perayu memfailkan semakan jenayah ke Mahkamah Tinggi melalui Permohonan Jenayah No. 43-28-04-2018.

[32] Berkenaan semakan jenayah, ia didengar di hadapan YA Hakim Mahkamah Tinggi Shah Alam. Sekali lagi, Dato C Vignesh Kumar bertindak sebagai peguam bagi perayu dengan kehadiran perayu. Pada 8 Jun 2018, YA Hakim Mahkamah Tinggi telah mengetepikan sabitan dan hukuman yang dikenakan oleh HMS1 bertarikh 24 April 2018 dan memerintahkan perayu untuk membela diri di hadapan Hakim Mahkamah Sesyen yang lain di Shah Alam. (Lihat RR tambahan lampiran 41 ms. 110).

[33] Pada 14 September 2018, perayu memfailkan satu lagi permohonan No. BA-64-143-09-2018 di hadapan HMS2, memohon kes dibicarakan secara *de novo*. Dalam permohonan *de novo* tersebut, perayu memetik kedua-dua per. 5 dan 8 Perlembagaan Persekutuan. Pada 27 November 2018, HMS2 telah menolak permohonan *de novo*.

[34] Pada 22 Februari 2021, HMS2 telah mensabitkan perayu. Oleh itu, rayuan sekarang timbul di hadapan mahkamah ini.

Hujahan Perayu

[35] Untuk menyokong hujahan perayu mengenai isu hak untuk mendapatkan perbicaraan yang adil ("right to a fair trial"), perayu mengemukakan tiga hujahan.

[36] Hujahan pertama memfokuskan pada keputusan *de novo* bertarikh 27 November 2018. Perayu berhujah bahawa HMS2 sepatutnya mendengar kes itu semula afresh. Perayu bergantung pada s. 261 Kanun Tatacara Jenayah dan berhujah bahawa HMS2 sepatutnya membenarkan saksi utama dipanggil semula dan diperiksa semula. Malangnya, ini tidak berlaku dan HMS2 juga gagal mengemukakan sebarang alasan beliau menolak permohonan *de novo* dalam alasan penghakiman beliau.

[37] Perayu merujuk kepada s. 261 Kanun Tatacara Jenayah memperuntukkan seperti berikut:

> **Change of Magistrate during hearing.**
>
> Whenever any Magistrate after having heard and recorded the whole or any part of the evidence in a trial ceases to exercise jurisdiction in it and is succeeded by another Magistrate who has and who exercises such jurisdiction, the Magistrate so succeeding may act on the evidence so recorded by his predecessor, or partly recorded by his predecessor and partly recorded by himself, or he may re-summon the witnesses and recommence the inquiry or trial:
>
> **Provided as follows:**
>
> (a) in any trial the accused may, when the second Magistrate commences his proceedings, demand that the witnesses or any of them be re-summoned and re-heard;

(b) the High Court may, whether there be an appeal or not, set aside any conviction had on evidence not wholly recorded by the Magistrate before whom the conviction was had, if that Court is of opinion that the accused has been materially prejudiced thereby, and may order a new trial.

[38] Dalam erti kata lain, hujahan perayu sekarang ialah apabila kes itu diperintahkan untuk diremitkan oleh YA Hakim Mahkamah Tinggi menurut permohonan semakan jenayah, keseluruhan kes di hadapan HMS2 sepatutnya dijalankan secara *de novo*. Perayu berhujah bahawa adalah salah bagi HMS2 untuk meneruskan pendengaran kes pembelaan tanpa menghargai/ memahami bagaimana HMS1 memutuskan wujudnya kes *prima facie*. Oleh itu, sabitan oleh HMS2 adalah tidak selamat dan harus diketepikan.

[39] Hujahan kedua perayu adalah berdasarkan peristiwa yang berlaku selepas keputusan bertarikh 11 Januari 2018 yang disampaikan oleh HMS1. Perayu berhujah bahawa haknya untuk perbicaraan yang adil telah diprejudiskan apabila dia mengemukakan pembelaannya di hadapan HMS1 seperti berikut:

a) the learned judge disallowed the Appellant from asking questions during cross examination of the prosecution witnesses, SP 4 and SP 10;

b) the learned judge allowed the Respondent to adduce documentary evidences on a piece meal basis (refer Exhibit P100 - Exhibit P111A, Exhibit P114A - P121 (A - G);

c) the learned judge participated in the hearing by providing answers for the prosecution witness, SP 10 (rujuk Jilid 2C m.s. 443-488 Lampiran 19 semasa pemeriksaan utama);

d) the learned judge allowed the trial to commence without any list of prosecution witnesses provided to the Appellant and at the end of the prosecution case, no witnesses were offered to the Appellant; and

e) the learned judge allowed the Respondent to call witnesses randomly without the sequence of witnesses being informed to the Appellant to the extent that the main witness, SP 4 was suddenly called in an ambush attempt by the Respondent.

(rujuk Lampiran 53 perenggan 222 hujahan Perayu)

[40] Hujahan ketiga oleh perayu ialah kejadian serupa berlaku di depan HMS2 di mana kes dibenarkan untuk meneruskan dalam bahasa yang perayu tidak fasih (lihat lampiran 53 perenggan 223 hujahan perayu). Inilah yang dia katakan dalam hujahan bertulis:

The learned Second SCJ ... had also failed to ensure the trial proceeded in a fair manner during the defence case when he allowed the Respondent to cross examine the defence witnesses in the Malay language although the Appellant's witnesses Witness Statements and oaths are in English. Also, the Appellant's witnesses answered in English during cross examination.

[41] Berdasarkan ketiga-tiga hujahan di atas yang memfokuskan pada hak untuk mendapatkan perbicaraan yang adil, perayu memohon supaya rayuan ini dibenarkan.

[42] Selain daripada isu di atas berkenaan right to fair trial, terdapat juga isu lain yang ditimbulkan oleh kedua-dua pihak dalam hujahan masing-masing yang akan juga disebut selepas ini.

Analisa Dan Pertimbangan Mahkamah

[43] Dalam rayuan ini, kes telah didengar oleh dua orang Hakim Mahkamah Sesyen. HMS1 mendengar kes di peringkat *prima facie* dengan sepuluh orang saksi pendakwaan telah memberi keterangan, manakala HMS2 telah meneruskan kes di peringkat pembelaan dengan dua orang saksi dipanggil.

[44] Terdapat kerisauan dan kebimbangan mahkamah ini apabila kes ini didengar oleh HMS2 pada peringkat pembelaan setelah sepuluh orang saksi pendakwaan dipanggil untuk memberi keterangan. HMS2 tiada pengetahuan atas sebab apa wujudnya kes *prima facie* dan kenapa pembelaan dipanggil selain daripada berpandukan nota keterangan.

[45] Semasa pendengaran rayuan, peguam terpelajar, Dato' Haji Sulaiman Abdullah (allahyarham), selaku peguam bela bagi perayu telah meringkaskan dalam hujahan beliau berkaitan right to a fair trial dengan ungkapan "he who hears does not decide, he who decides does not hear". Perkara ini bukan sahaja memprejudiskan perayu tetapi hak sebagai seorang perayu untuk membela diri juga tergugat.

[46] Mahkamah ini juga mendapati bahawa keputusan HMS2 tidak menyatakan secara terperinci bahawa beliau telah menilai semula keterangan-keterangan dan pendakwaan telah berjaya membuktikan setiap elemen-elemen pertuduhan beyond reasonable doubt.

[47] Mahkamah ini mendapati bahawa dalam keadaan di mana dua orang hakim yang berlainan mendengar kes di peringkat *prima facie* dan di peringkat pembelaan, terutama kes yang melibatkan penilaian demeanour saksi, adalah wajar supaya seorang hakim yang sama membuat penilaian maksima keterangan dari peringkat *prima facie* sehinggalah kes peringkat pembelaan.

[48] Jika dilihat keputusan HMS2 tidak menyatakan secara terperinci bahawa beliau telah membuat penilaian secara menyeluruh semua keterangan pada kedua-dua peringkat dan mendapati pendakwaan telah berjaya membuktikan setiap elemen-elemen pertuduhan beyond reasonable doubt.

[49] Apa yang dapat dilihat dalam kes ini ialah HMS2 hanya membuat penilaian di peringkat pembelaan dan tanpa mengambil kira penilaian maksima di peringkat *prima facie* disebabkan bukan beliau yang mendengar dan juga bukan beliau yang memutuskan suatu kes *prima facie* telah dibuktikan.

[50] Mahkamah ingin menekankan bahawa dalam kes jenayah, beban bukanlah pada pihak tertuduh untuk membuktikan kesnya. Beban adalah sentiasa terletak pada pihak pendakwaan untuk membuktikan kes bermula dari kes pendakwaan sehinggalah kes pembelaan. Mahkamah mendapati bahawa penilaian maksima terhadap keterangan yang diberikan oleh saksi-saksi pendakwaan di peringkat *prima facie* dan saksi pembelaan tidak dilakukan oleh HMS2.

[51] Dalam kes ini juga terdapatnya permohonan oleh perayu untuk kes dibicarakan semula secara *de novo* yang difailkan di Mahkamah Sesyen atas alasan, antara lain, bahawa seramai sepuluh orang saksi telah dipanggil dan terdapat isu kredibiliti dan percanggahan-percanggahan yang material di dalam keterangan saksi-saksi utama pendakwaan. Perkara ini tidak dipertimbangkan oleh HMS2.

[52] HMS2 perlu mempertimbangkan dan menilai secara peribadi tingkah laku, demeanour dan kredibiliti saksi-saksi pendakwaan tersebut apabila mereka memberi keterangan. Perkara ini tidak dapat dibantu dengan hanya membaca nota keterangan hakim terdahulu.

[53] Hakim Mahkamah Tinggi telah memerintahkan supaya kes didengar semula di hadapan Hakim Mahkamah Sesyen yang baru di peringkat pembelaan. Mahkamah berpandangan walaupun arahan Mahkamah Tinggi untuk kes pembelaan diteruskan di hadapan Hakim Mahkamah Sesyen yang baru tetapi disebabkan terdapatnya permohonan untuk kes didengar secara *de novo*, perkara ini sepatutnya dipertimbangkan oleh HMS2 mengambil kira bahawa seramai sepuluh orang saksi pendakwaan telah dipanggil untuk memberi keterangan dan HMS1 yang memutuskan terdapatnya kes *prima facie.*

[54] Lebih memprejudiskan perayu apabila HMS2 tidak membenarkan perayu memanggil semula saksi-saksi penting iaitu SP4, SP7 dan SP10 sebagai saksi pembelaan. Tiada sebab yang jelas diberikan oleh HMS2 dalam alasan penghakiman beliau apabila beliau menolak permohonan saksi-saksi pendakwaan dipanggil semula oleh perayu.

[55] Mahkamah ini juga berpandangan bahawa pegawai penyiasat iaitu Inspektor Lai Kok Foum yang merupakan pengadu bagi report kes Travers/008939/13 atas kesalahan s. 409 Kanun Keseksaan sepatutnya dipanggil sebagai saksi. Inspektor Lai Kok Foum ini telah menyiasat kes kesalahan pecah amanah yang kemudiannya menjadi kesalahan predikat bagi pertuduhan kes ini.

[56] Mahkamah mendapati bahawa keterangan pegawai penyiasat kes predikat adalah penting. Jika pun pihak pendakwaan tidak memanggil pegawai penyiasat predikat sebagai saksi, saksi ini perlu ditawarkan kepada perayu. SP10 hanya merupakan pegawai penyiasat untuk kes AMLA sahaja. Mengikut SP10, kes predikat di bawah s. 409 Kanun Keseksaan telah

dilepaskan tanpa dibebaskan (discharged not amounting to an acquittal) kerana saksi pendakwaan tidak hadir. Pada pandangan mahkamah, keterangan pegawai penyiasat kesalahan predikat perlulah dikemukakan ke mahkamah juga untuk menentukan kes AMLA. Subseksyen 4(4) AMLA memperuntukkan seperti berikut:

> Seseorang boleh disabitkan atas suatu kesalahan dibawah subseksyen (1) tanpa mengira sama ada terdapat suatu sabitan berkenaan dengan suatu kesalahan berat atau kesalahan berat asing atau suatu pendakwaan telah dimulakan bagi pelakuan suatu kesalahan berat atau kesalahan berat asing.

[57] Walaupun sub-s. 4(4) menyatakan bahawa seseorang boleh disabitkan atas suatu kesalahan pengubahan wang haram di bawah sub-s. 4(1) AMLA walaupun tanpa sabitan terhadap kesalahan predikat, tetapi ini tidak bermakna bahawa pihak pendakwaan tidak perlu untuk membuktikan kesalahan predikat.

[58] Berkaitan baki hasil jualan tersebut yang diletakkan dalam empat akaun deposit tetap berjumlah RM1 juta, RM350,000, RM250,000 dan RM50,000, semua wang ini adalah di dalam client's account perayu yang kemudiannya telah disita oleh polis pada 15 November 2023. Oleh itu, tiada kesalahan pecah amanah memandangkan baki hasil jualan yang dituntut oleh pengadu berjumlah RM1.572 juta adalah dalam client's account perayu sebelum perayu dituduh di bawah kesalahan pecah amanah. Tiada niat tidak jujur di pihak perayu kerana pada setiap masa material duit yang dituntut oleh DPSB berada dalam client's account.

[59] Mahkamah tidak bersetuju dengan pihak pendakwaan bahawa kredibiliti saksi-saksi adalah tidak crucial dalam kes ini dan perayu telah pun diberi peluang untuk menyoal balas semua saksi-saksi di peringkat pendakwaan. Mahkamah berpandangan kredibiliti dan demeanour saksi-saksi sangat penting dalam kes ini terutama SP4 yang mana mahkamah mendapati keterangan beliau adalah evasive dan meragukan. Dalam kes ini, terdapatnya permohonan impeachment juga terhadap SP4 kerana wujud percanggahan keterangan. Namun, permohonan ini telah ditolak tanpa alasan diberikan oleh HMS1.

[60] Perayu telah bergantung kepada eksh. D84A dan eksh. D86A bertarikh 16 Julai 2012 dan 19 September 2012 yang telah dihantar melalui faks dan diposkan ke DPSB menerusi nombor facsimile DPSB dan alamat DPSB. Perayu telah menggunakan D84A yang menunjukkan bahawa Tetuan Ong Partnership telah menghantar surat kepada DPSB untuk perhatian kepada Mr Lee iaitu SP4 (surat bertarikh 16 Julai 2012 dalam RR Jilid 3C ms. 474) yang merujuk kepada mesyuarat di antara perayu dan SP4 dan juga jelas menunjukkan bahawa terdapatnya arahan oleh SP4 kepada Tetuan Ong Partnership supaya menyimpan differential sum and sales proceeds untuk transaksi penjualan tanah tersebut dengan memindahkan wang itu ke separate account.

[61] DPSB telah menjawab surat tersebut dengan perkataan "Noted & agreed" melalui emel chief<@HSL GROUP.com.my> kepunyaan SP4 bertarikh 17 Julai 2012.

[62] Jika dirujuk kepada eksh. D86A yang merupakan surat daripada Tetuan Ong Partnership kepada DPSB bertarikh 19 September 2012 (untuk perhatian SP4) sebenarnya berbunyi seperti berikut:

> We hereby confirm that we have received the balance sale proceeds of RM1.5 million from the above transaction and we have transferred the same to a separate account as instructed earlier.
>
> Please be reminded that our legal fees in relation to works done for HSL GROUP of companies remain outstanding and we shall appreciate that you settle our fees soonest possible.

[63] Pada 16 Julai 2012, perayu telah menghantar emel kepada SP4 dengan menyatakan seperti berikut:

> Mr Lee,
>
> Pls find enclosed the letter of confirmation for your attention.

[64] Merujuk kepada surat dari Tetuan Ong Partnership kepada DPSB untuk perhatian SP4, jawapan yang diterima daripada SP4 melalui emel beliau chief<@HSL GROUP.com.my> kepada OKT bertarikh 17 Julai 2012 ialah dengan jawapan "Noted & agreed".

[65] Mahkamah mendapati bahawa apabila arahan diberikan oleh SP4 untuk memindahkan ke separate account, sudah semestinya terdapat persefahaman (understanding) di antara SP4 dan perayu sebagai peguam cara DPSB. Memandangkan kedua-dua pihak sememangnya saling berhubungan selama ini, adalah tidak mustahil bahawa wang DPSB telah dipersetujui oleh SP4 untuk dipindahkan ke akaun peribadi perayu untuk mengelak tuntutan daripada pemiutang. Mahkamah tidak berpendapat bahawa perkara ini adalah afterthought oleh pihak perayu. Walaupun SP4 menafikan sekeras-kerasnya menerima eksh. D84A dan eksh. D86A. Mahkamah mendapati terdapat keraguan terhadap keterangan SP4. Adalah mustahil beliau tidak mengetahui atau berpengetahuan langsung tentang kedua-dua surat tersebut yang datang dari emel beliau sendiri.

[66] Adalah fakta jelas bahawa DPSB merupakan anak syarikat kepada HSL Group dan SP4 adalah managing director kepada HSL Group dan juga pengarah kepada DPSB. Mahkamah berpendapat bahawa dalam dunia komersial, perkara seumpama ini adalah biasa dan mengambil kira SP4 telah terlibat dalam dunia komersial bertahun-tahun bersama perayu, perkara seumpama ini adalah persefahaman di antara klien dan peguam dan hanya tidak dibuat secara black-and-white sahaja atas alasan yang mereka sahaja yang mengetahui. Perkara ini adalah biasa dalam alam komersial.

[67] Mahkamah juga memberi penekanan bahawa SP4 telah membenarkan duit dari DPSB digunakan untuk membayar hutang HSL Group berjumlah RM28,000 kepada firma audit. Persoalan yang timbul ialah kenapa pula jumlah ini dibenarkan oleh SP4 dikeluarkan dari akaun DPSB? Dari sini jelas menunjukkan sememangnya terdapatnya understanding di antara SP4 dan perayu dalam apa-apa tindakan kewangan syarikat tersebut.

[68] Mengambil kira SP4 adalah pengarah kepada DPSB dan Managing Director HSL Group dan beliau adalah main person yang mengawal kewangan DPSB, oleh itu, *Turquand*'s rule adalah terpakai dalam kes ini dan tindakan sebegini tidak memerlukan Resolusi Pengarah lain dan adalah memadai dengan arahan SP4 sahaja.

[69] Mahkamah juga mengambil kira keterangan perayu (lihat penyata saksi ms. 679 hingga 724 RR Jilid 2D) menunjukkan bahawa perayu telah mengenali SP4 sejak tahun 2005 semasa SP4 menjadi Pengarah Khind Holdings Berhad ("Khind") (rujuk ms. 2 HSL Group's 2010 annual report-eksh. D33) dan perayu pada masa tersebut adalah penasihat perundangan korporat bagi Khind. Perayu mula memberi nasihat undang-undang kepada SP4 pada September 2010 di mana HSL Group, melalui DPSB, berada dalam proses hendak melupuskan enam unit lot kedai berjumlah RM9 juta. Terdapat banyak transaksi-transaksi yang mana SP4 mengarahkan perayu mengendalikan kerja-kerja perundangan yang melibatkan HSL Group dan subsidiarinya dari Februari 2011 hingga Mac 2013. Perayu masih meneruskan perkhidmatan perundangan walaupun terdapat 57 bil-bil yang masih tertunggak/tidak dibayar. Menurut perayu, selepas surat bertarikh 19 September 2012 (eksh. D86A dalam RR Jilid 3C ms. 478) diisu, tiada sebarang jawapan pernah diberi oleh SP4 berkaitan bil-bil yang tertunggak walaupun perayu telah mengemukakan bil-bil tersebut seperti yang dikehendaki oleh SP4 berjumlah RM1,680,470.65 (yang masih tertunggak sehingga hari ini).

[70] Berkenaan eksh. D84A dan D86A, mahkamah mendapati perkara ini seharusnya diberi perhatian oleh HMS2. Keterangan dalam mahkamah dan keterangan dokumentar perlu diberi perhatian oleh HMS2 semasa SP4 memberi keterangan. Rujukan kepada kes *Tindok Besar Estate Sdn Bhd v. Tinjar Co* [1979] CLJU 119; [1979] 1 LNS 119; [1979] 1 MLRA 81, Mahkamah Persekutuan memutuskan seperti berikut:

> Nevertheless, the learned trial judge expressed himself to be completely satisfied with the veracity of the respondent's witnesses and their evidence. He purported to come to certain findings of fact on the oral evidence but did not notice or consider that the respondent's oral evidence openly clashed with its contemporaneous documentary evidence. For myself, I would with respect feel somewhat safer to refer to and rely on the acts and deeds of a witness which are contemporaneous with the event and to draw the reasonable inferences from them than to believe his subsequent recollection or version of it,

particularly if he is a witness with a purpose of his own to serve and if it did not account for the statements in his documents and writings. *Judicial reception of evidence requires that the oral evidence be critically tested against the whole of the other evidence and the circumstances of the case. Plausibility should never be mistaken for veracity.*

57) The evidential value of contemporaneous documentary evidence is well accepted as stated in *Eastern & Oriental Hotel (1951) Sdn Bhd v. Ellarious George Fernandez & Anor* [1988] 1 CLJ Rep 50 (TAB 9, pages 355-360 ABA1) where the Supreme Court held at page 52:- "It is trite law that an appellate Court would in appropriate cases act upon its own view of conflicting evidence (see *Coghlan v. Cumberland* [1898] 1 Ch D 704 and *Bigsby v. Dickinson* [1876] 4 Ch D 24), and it was argued on behalf of the appellant that the Judge had overlooked certain evidence which might otherwise have caused him to come to a different finding. We would respectfully agree with the soundness of the observation made in *Armagas Ltd. v. Mundogas SA (The "Ocean Frost")* [1986] 1 Lloyds Rep 1 which reads: *"It is frequently very difficult to tell whether a witness is telling the truth or not; and where there is a conflict of evidence such as there was in the present case, reference to the objective facts and documents to the witness' motives, and to the overall probabilities can be of very great assistance to a Judge in ascertaining the truth." In commercial cases there is usually a substantial body contemporary documentary evidence.* This is not strictly speaking a commercial case, but the relevance of contemporaneous documents nevertheless holds true.

58) Also in *Guan Teik Sdn Bhd v. Hj Mohd Noor Hj Yakob & Ors* [2000] 4 CLJ 324 (TAB 10, pages 361-370 ABA1) where the Court of Appeal held at page 330 as follows: "*In cases where conflicting evidence are presented before a court, it is the duty of the court not only to weigh such evidence on a balance of probabilities but it is also incumbent upon the court to look at all the surrounding factors and to weigh and evaluate contemporaneous documents that may tend to establish the truth or otherwise of a given fact.* In this instance the learned trial judge discredited the evidence of the appellant, accepted the evidence of the respondents whole heartedly and disregarded the contemporaneous documents totally. We say that he had erred as he had failed to direct his mind as to the probative effect of the contemporaneous documents. *He should, after accepting the respondents' evidence, weighed it against the contemporaneous documents and evaluate whether such documents support the respondents' oral testimony.* (penekanan ditambah)

[71] Jelas bahawa HMS2 tidak mengambil kira secara menyeluruh keterangan dokumentar kontemporari (contemporaneous documentary evidence) yang dikemukakan oleh perayu berbanding dengan penafian kosong SP4 (rujuk eksh. D93 dalam RR tambahan Jilid 3C ms. 58 hingga 61 berkaitan kes pecah amanah di ms. 207-210 dalam Jilid 2B dalam nota keterangan kes Money Laundering). Perkara ini yang ditimbulkan patut diberi perhatian oleh HMS2 memandangkan terdapatnya beberapa kes di mahkamah terhadap perayu dan juga syarikat yang melibatkan SP4.

A **Kesimpulan**

[72] Mahkamah mendapati keadilan perjalanan kes terhadap seseorang orang kena tuduh perlu diberi sepenuhnya dan peraturan kardinal (cardinal rule) ini hendaklah dipatuhi terutama dalam kes jenayah. Dalam rayuan ini, mahkamah mendapati bahawa:

B

(i) pertama, apabila Hakim Mahkamah Tinggi membenarkan semakan jenayah dengan mengetepikan sabitan dan hukuman yang dijatuhkan oleh HMS1 terhadap perayu, ini menunjukkan bahawa perayu telah tidak diberi right to fair trial semasa kes *prima facie* dipanggil.

C (ii) kedua, dengan HMS2 yang meneruskan kes di tahap pembelaan tanpa mendengar kes semula secara *de novo*, ini bukan sahaja menghalang perayu kepada right to fair trial tetapi tindakan ini sangat memprejudiskan perayu.

[73] Sekali lagi mahkamah mengguna pakai perkataan yang diungkapkan
D oleh peguam terpelajar perayu seperti berikut:

> he who hears does not decide, he who decides does not hear.

[74] Perkara ini bukan sahaja sangat memprejudiskan perayu tetapi hak untuk membela diri juga adalah tergugat.

E **Keputusan**

[75] Berdasarkan alasan-alasan di atas, adalah tidak selamat untuk mahkamah ini mengekalkan hukuman dan sabitan terhadap perayu. Oleh itu, rayuan terhadap perayu adalah dibenarkan dan hukuman dan sabitan yang
F diputuskan oleh Tuan HMS2 pada 22 Februari 2021 adalah diketepikan.

G

H

I